

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	22/08/2017

## Permohonan Dr. Mahathir, Anwar, BNM ditolak

**PUTRAJAYA 21 Ogos** - Tun Dr. Mahathir Mohamad sekali lagi gagal mendapatkan senarai saksi dan dokumen berkaitan siasatan kerugian mata wang asing oleh Bank Negara Malaysia (BNM) selepas permohonan beliau ditolak oleh panel yang mendengar prosiding itu hari ini.

Pengerusi Suruhanjaya Siasatan Diraja, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan turut menolak permohonan bekas Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim agar beliau dibenarkan hadir sepanjang pendengaran siasatan tersebut.

Panel bersidang malah menolak permohonan BNM agar wakil media tidak dibenarkan melaporkan perjalanan prosiding kerana siasatan itu melibatkan dokumen-dokumen tertentu yang diklasifikasikan sebagai sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA).

Ketiga-tiga pihak sebelum itu membangkitkan isu awalan tersebut melalui peguam pemerhati masing-masing seurus sebelum suruhanjaya memulakan pendengarannya.

"Tiada gunanya siasatan dijalankan jika semua dokumen diklasifikasikan sebagai OSA, apa perlunya ada siasatan? Suhaimi (Datuk Suhaimi Ibrahim), sila teruskan," ujarnya.

Sebelum itu, peguam Mohamed Haniff Khatri Abdulla yang mewakili bekas Perdana Menteri itu memohon pihaknya dibekalkan dengan senarai saksi dan dokumen berkaitan sebelum prosiding bermula.

Beliau berkata, dokumen tersebut membolehkan Dr. Ma-



**MOHD. SIDEK HASSAN** tiba di Mahkamah Rayuan, Istana Kehakiman, Putrajaya, semalam. - BERNAMA

hathir melakukan persediaan lebih awal seterusnya membantu suruhanjaya menjalankan siasatan jika beliau dipanggil memberi keterangan.

Sementara itu, peguam pemerhati, Gurdial Singh yang mewakili Anwar memohon panel bersidang membenarkan pemimpin pembangkang itu menghadiri prosiding bagi membolehkannya mendapat arahan lanjut daripada beliau.

Bagaimanapun, Suhaimi yang dilantik sebagai pegawai pengendali bagi membantu suruhanjaya

itu berkata, prosiding tersebut bukan satu perbicaraan yang membolehkan kedua-dua pemohon memperoleh senarai saksi.

Dalam pada itu, peguam pemerhati BNM, Datuk Tan Hock Chuan berkata, dokumen-dokumen dari bank pusat itu tidak boleh didedahkan kepada umum kerana merupakan dokumen sulit dan turut memohon pihak media dikesualikan daripada membuat laporan ketika laporan audit dalam dikemukakan di hadapan panel bersidang.

Ujar Hock Chuan, saksi-saksi daripada BNM turut berisiko untuk didakwa kerana mereka tidak mempunyai imuniti

jika mendedahkan dokumen yang diklasifikasikan sebagai sulit.

Mohd. Sidek bagaimanapun mengarahkan siasatan itu dimulakan dengan mendengar keterangan saksi pertama, Abdul Aziz Abdul Manaf.

"Tiada siapa dibicarakan dalam prosiding ini dan saya perlu kerjasama semua pihak. Saya bukan pakar dalam undang-undang walaupun saya berminat. Prosiding ini diteruskan tanpa sebarang penangguhan," ujarnya.

Um - 22/8/2017 Pg. 4